

# **PERKEMBANGAN EMOSI : EMOSI REMAJA DAN PEMBENTUKAN KONSEP KENDIRI (Part 14)**

Azizi Hj Yahaya

## **4. Pembentukan Konsep Kendiri Remaja**

### **4.1 Bagaimana Konsep Kendiri Remaja Terbentuk**

Azizi et.al., (2004) dalam buku Psikologi Sosial mendefinisikan konsep kendiri sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menanggapi tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif. Konsep kendiri samada secara positif atau negatif tidak terbentuk secara warisan.

Menurut Wattenberg (1962) di dalam Azizi (2005) kepercayaan yang dibentuk sejak kecil adalah manifestasi zahir seseorang individu itu apabila ia dewasa kelak. Personaliti yang dibentuk adalah sejajar dengan kepercayaan yang ditanam oleh mereka yang signifikan semasa kecil dan sebagai persediaan bagi menempuh alam remaja dan dewasa.

Sementara Donald E. Hamachek (1971) mengatakan konsep kendiri juga terbentuk apabila kita berhadapan dengan kejayaan dan kebanggaan. Contohnya apabila seseorang individu mencapai kejayaan yang diidamkan, ia akan berazam mengekalkan kejayaan dan membina konsep kendiri yang positif di dalam dirinya bagi mengekalkan kejayaan itu dan memastikan individu terus berusaha merealisasikan cita-citanya yang lain. Beliau juga berpendapat seseorang yang menghadapi kegagalan dan penghinaan juga sering membentuk konsep kendirinya sendiri selepas gagal mencapai matlamat yang diidamkan. Individu yang positif akan mencipta keazaman yang baru selepas menghadapi kegagalan.

Azizi (2005) seterusnya menyatakan faktor penilaian dan reaksi rakan-rakan dapat membentuk konsep kendiri di dalam diri seseorang individu. Penilaian rakan-rakan ini biasanya diadakan semasa latihan dalam kumpulan (LDK) atau menjalankan perkhemahan motivasi.. Menurut Azizi lagi seseorang individu seharusnya menerima pandangan dan cadangan serta kritikan dari sahabatnya bagi membina konsep kendiri yang positif. Kebiasaannya individu amat sukar menerima kritikan dari rakan-rakan kerana kritikan mungkin bertentangan dengan cara

kehidupan tetapi sebaliknya kritikan yang positif sudah pasti dapat membentuk gaya hidup yang sihat dan teratur.

#### **4.2 Orang Signifikan dalam Pembentukan Konsep Kendiri.**

Azizi (2005) menggariskan enam kategori orang yang signifikan dalam pembentukan konsep kendiri kanak-kanak. Senarai ini didahului dengan keluarga terutamanya ibu bapa yang merupakan agen sosialisasi dan pembentukan kendiri remaja sejak dilahirkan lagi. Kedua ialah rakan sebaya atau 'peer group', konsep kendiri dibentuk melalui jenis kumpulan dan daya kepimpinan yang dimainkan oleh individu yang. Sekolah dan pusat penjagaan kanak-kanak juga memainkan peranannya dengan struktur pendidikan yang lebih terancang dan sistematik di mana ilmu pengetahuan dan nilai-nilai positif dalam pembentukan jati diri pelajar-pelajar disampaikan dan dibentuk.

Seterusnya ialah peranan media massa yang berupa media cetak dan media elektronik termasuk akhbar, majalah, televisyen dan komputer. Pendedahan media yang sihat adalah penting bagi menjamin pembentukan sahsiah dan konsep kendiri yang positif (Azizi. 2005). Mead (1934) berpendapat peranan masyarakat ke atas individu, melalui aspirasi, harapan dan nilai masyarakat dapat mempengaruhi pembentukan konsep kendiri individu. Faktor persekitaran yang baik dapat membentuk kanak-kanak dan remaja yang mempunyai sahsiah yang cekal serta berkeyakinan.

CONTINUE...